

International Conference on Economics, Entrepreneurship and Management
2019 (ICEEM2019)
Langkawi July 6, 2019

TAHAP MODAL SOSIAL DI KALANGAN NELAYAN KUALA PERLIS: SATU KAJIAN RINTIS

Sharifah Sofiah 'Atiqah bt. Syed Ibrahim¹, Dr. Norlaila bt. Abdullah Chik²

¹Jabatan Perancangan dan Pembangunan Hartanah, COLGIS, Universiti Utara Malaysia

²Jabatan Perancangan dan Pembangunan Hartanah COLGIS, Universiti Utara Malaysia

*atiqah@uum.edu.my, [* nrlaila@uum.edu.my](mailto:*nrlaila@uum.edu.my)

Modal sosial pula merupakan konsep yang mengungkapkan perihal pentingnya nilai positif yang membina sesebuah masyarakat kerana Nilai-nilai ini membina dan menyediakan '*environment*' yang akan membentuk, mengolah dan menjana jati diri ahli masyarakat tersebut agar mereka bersatu-padu, bertanggung-jawab, mempunyai pengupayaan diri, keyakinan diri, bermaklumat, bekerjasama, boleh dipercayai dan dapat membina jaringan sesama ahli masyarakat (Putnam 1995, Coleman 1988, Fukuyama 1995 dan Bordieu 1986). Kertas kajian ini akan membincangkan mengenai tahap modal sosial hasil dari kajian yang dijalankan di Kuala Perlis , sebuah bandar di kawasan perikanan di utara Semenanjung Malaysia dari tahun 2017 sehingga 2019. Tujuan kajian dijalankan untuk pengkaji mengetahui tahap modal social nelayan kerana ciri modal social ini dapat membina nilai dan persekitaran positif bagi nelayan khasnya dan komuniti umumnya. Elemen modal social yang dikaji adalah seperti yang dicadangkan oleh World Bank 2003 iaitu Kumpulan dan Rangkaian , Kepercayaan dan Perpaduan , Tindakan dan Kerjasama Kolektif, Maklumat dan Komunikasi, Keunggulan Sosial dan Inklusif , dan Pemerksaan dan Tindakan Politik . Metodologi kajian ialah bentuk tinjauan dan deskriptif dengan menggunakan nilai min. Hasil kajian mendapat elemen modal social yang paling kukuh di kalangan komuniti nelayan Kuala Perlis ialah tindakan dan kerjasama kolektif dan elemen modal social yang paling lemah ialah keunggulan social dan inklusif.

(katakunci: nelayan, modal sosial, nilai, persekitaran positive)

1. Pengenalan

Modal sosial merupakan konsep yang mengungkapkan perihal pentingnya nilai positif yang membina sesebuah masyarakat. Nilai-nilai ini membina dan menyediakan '*environment*' yang

akan membentuk, mengolah dan menjana jati diri ahli masyarakat tersebut agar mereka bersatu-padu, bertanggung-jawab, mempunyai pengupayaan diri, keyakinan diri, bermaklumat, bekerjasama, boleh dipercayai dan dapat membina jaringan sesama ahli masyarakat. Kepentingan nilai dalam membina masyarakat telah dihujahkan oleh ahli pemikir seperti Bourdieu (1986), Coleman (1988), Fukuyama (1995) dan Putnam (1995).

Objektif kajian ini adalah untuk melihat tahap modal di kalangan nelayan di Kuala Perlis. Kepentingan kajian adalah untuk mengenalpasti nilai kolektif yang diamalkan oleh masyarakat nelayan di mana nilai ini dapat membina pembangunan dalam masyarakat tersebut. Oleh kerana perihal pentingnya modal sosial dalam membentuk environment kemasyarakatan, penyelidik mengambil inisiatif mengkaji modal sosial di kalangan nelayan Kuala Perlis yang mana merupakan input utama kepada pemupukan budaya pembangunan dalam masyarakat itu sendiri.

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau tahap modal sosial berpandukan enam elemen yang disebut oleh World Bank 2003 sebagai elemen utama modal sosial di kalangan nelayan Kuala Perlis. Konsep modal sosial telah lama ditulis dan bincangkan oleh pemikir-pemikir seperti Bourdieu (1986), Coleman (1988), Fukuyama (1995) dan Putnam (1995) dan telah lama dibincangkan sejak kurun ke-19 oleh de Tocqueville (1983) dan Hamilton, John Jay, and Madison (1961).

Konsep ini juga dipanjangkan dalam pelbagai bentuk perbincangan oleh pemikir-pemikir dan penyelidik seperti Dolsma and Dannreuther (2003), Robison, Schmid, and Siles (2002), Foley and Edwards (1997), Adler and Kwon (2002), Adam and Rončević (2003), Social Capital Interest Group (2000), Baron, Field, and Schuller (2000), Grootaert and Van Bastelaer (2002), Day (2002), Eastis (1998), (Dekker & Uslaner, 2003), (Uslaner, 2001), Woolcock (1998) and Oh, Kilduff, and Brass (1999).

Nelayan merupakan salah satu golongan yang seringkali dikaitkan dengan kemiskinan (Firth, 1943; Shaari, 1994; Shaari & Jomo, 1980; Siwar & Piei, 1988; Ungku Aziz, 1967). Sejak kajian dijalankan kerajaan telah mengeluarkan pelbagai geran bantuan kepada nelayan seperti membina infrastruktur tempat pendaratan hasil laut, bantuan bot, kapal, enjin dan teknologi tangkapan hasil laut, kawalan ke atas pencerobohan kapal asing di perairan antarabangsa, subsidi bahan api dan penubuhan persatuan nelayan di peringkat cawangan, negeri dan kebangsaan.

Akhabar tempatan telah menyebut bahawa nilai hasil laut di seluruh Malaysia di anggarkan bernilai lebih kurang RM 15 billion yang mana hanya RM2 billion sahaja diusahakan oleh nelayan. Selebihnya RM13 billion diusahakan oleh individu-individu bukan nelayan. Jumlah nelayan di seluruh Malaysia yang berdaftar dengan persatuan nelayan samaada diperingkat cawangan, negeri dan kebangsaan berjumlah 150,000 orang. Daripada jumlah tersebut, hanya dua puluh peratus sahaja nelayan yang berdaftar melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Ini bermaksud lapan puluh peratus dari perniagaan berasaskan hasil laut dijalankan oleh individu yang bukan nelayan. Awak – awak dan tekong bagi bot dan kapal yang menangkap hasil laut dari pinggir pantai hingga ke laut dalam merupakan anak-anak dan keluarga nelayan. Kebanyakan nelayan merupakan pekerja yang bekerja dengan orang lain untuk menangkap hasil laut. Tidak ramai yang membudayakan keusahawanan dan melibatkan diri dalam perniagaan.

Keadaan sedia ada ini amat merugikan nelayan dan generasi nelayan masa hadapan. Keuntungan menjadi nelayan tidak dirasai oleh kerana ketidakupayaan nelayan mencebur keusahawanan yang akan melebarluaskan keuntungan nelayan dari penangkapan ikan di laut hingga aktiviti mengeluarkan produk-produk hiliran yang berasaskan hasil laut.

Dalam situasi ini, budaya keusahawanan amat perlu dititikberatkan dalam diri, keluarga, saudara mara dan seluruh komuniti nelayan. Elemen budaya keusahawanan seperti rajin berusaha, sabar, bertanggungjawab dan lain-lain harus dididik semenjak kecil sehingga dewasa. Penerapan nilai keusahawanan harus diterap dikalangan nelayan. Nilai-nilai ini akan menguntungkan mereka dan pada masa yang sama mengeluarkan mereka dari perangkap “kebergantungan” kepada lebih bermandiri dan “*self-reliance*”. Pengukuhan nilai modal sosial dapat menguatkan nilai kerjasama, keterikatan sosial (*social cohesion*), kebertanggungjawaban dan nilai-nilai lain yang membina dan berdaya maju. Nilai-nilai penjanaan masyarakat ini terdapat dalam konsep modal sosial seperti yang dihujahkan oleh Bourdieu (1986), Coleman (1988), Fukuyama (1995) dan Putnam (1995).

Modal sosial melihat masyarakat sebagai aset yang membina. Nilai yang terkandung dalam konsep ini seperti pembinaan kumpulan dan jaringan, kepercayaan dan solidariti, kerjasama dan tindakan kolektif, komunikasi dan masyarakat bermaklumat, kesepaduan sosial dan *inclusion* dan akhir sekali pengupayaan dan tindakan politik sangat baik untuk masyarakat. Masyarakat yang memiliki nilai modal sosial merupakan aset yang dapat membina jati diri ahli masyarakat tersebut dalam pembudayaan keusahawanan. Pembudayaan ini dapat mengangkat status sosio-ekonomi nelayan ke tahap yang lebih tinggi.

2. Konsep modal social

Putnam (1995) yang melihat modal sosial sebagai corak-corak kehidupan sosial jaringan-jaringan, norma-norma dan kepercayaan yang membolehkan individu yang terlibat bertindak bersama secara lebih berkesan untuk mencapai matlamat bersama. Putnam (dalam Tridico, 2013) juga menyebut modal sosial merupakan ciri asas masyarakat di mana wujudnya jaringan, norma, dan kepercayaan sosial yang dapat memudahkan penyelarasian dan kerja sama untuk manfaat bersama masyarakat. Dengan demikian atribut asas modal sosial adalah norma (*norm*), kepercayaan (*trust*), jaringan (*networking*).

Manakala Coleman (1988) menyebut Modal Sosial merupakan hubungan yang sedia ada dalam keluarga dalam kalangan organisasi bagi sesuatu komuniti dan modal social ini sangat berguna dalam perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak di mana beliau menegaskan terdapat dua struktur hubungan dalam modal sosial iaitu dalam modal social dalam keluarga dan modal sosial di luar lingkungan keluarga. Modal sosial yang kuat yang membantu kognitif kanak-kanak manakala modal social yang lemah akan menurunkan tahap kognitif kanak-kanak. Fukuyama (1995) melihat modal sosial sebagai hubungan manusia yang diasaskan oleh norma yang tidak formal yang menggalakkan kerjasama antara dua atau lebih individu di mana kepercayaan,

jaringan, dan keadaan masyarakat sivil membawa kepada munculnya modal social. Modal social ini mempunyai peranan penting kepada kelompok kelompok dan ianya perlu dibina dalam waktu yang lama serta memerlukan berlakunya proses-proses social untuk mewujudkan modal social tersebut.

Menurut Bourdieu (1986) masyarakat tidak boleh dilihat dari segi ekonomi semata mata tetapi perlu di lihat dari segi lain yang lebih luas. Beliau mendefinisi hubungan ekonomi kelompok sebagai mengangungi modal sosial dalam bentuk jumlah sumber-sumber daya, tersurat atau tersirat yang berkembang pada seorang individu atau sekelompok individu yang mereka saling menghubung dalam jaringan yang terkait secara di institusikan atau pun tidak. Hubungan ini saling menguntungkan antara satu sama lain dan embei kesan positif kepada individu yang terlibat. Hubungan yang berhasil antara individu dan masyarakat itu adalah hasil dari intraksi individu dengan masyarakat yang dilakukan secara sedar ataupun tidak sedar yang mana menghasilkan hubungan ada yang bersifat jangka pendek da noda pula bersifat jangka panjang (Bourdieu, 1986).

3. Tinjauan Karya

Sulaiman, Fauzi, and Nasir (2015) melihat bagaimana modal social memberi kesan ke atas pendapatan isirumah yg bekerja di Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa modal social memberi pengaruh positif ke atas [endapanan isirumah ahap tinggi dan sederhana. Faktor modal social yang memberi impak ke atas pendapatan ialah keahlian dan penglibatan dalam persatuan, dan hubungan dengan rakan-rakan melalui media social dan lain lain bentuk perkongsian maklumat. Modal social mempengaruhi pendapatan dan tahap sosioekonomi pekerja di Malaysia.

Sulaiman, Alias, Saukani, Nasir, and Ismail (2014) mengkaji faktor yang membezakan pendapatan seseorang dari yang lain. Sebagai contohnya, modal manusia (human capital) seperti pendidikan, kemahiran dan pengalaman kerja, kekayaan yang diwarisi memberi impak ke atas pendapatan seseorang . Kajian mereka memfokus kepada kesan modal social ke atas tingkat pendapatan individu di Malaysia. Kajian dilakukan pada thun 2012-2013 ke atas penduduk negeri Kedah, Selangor, Kuala Lumpur, Johor, dan Terengganu. Dapatkan kajian mendapati item kebolehpercayaan dan komponen hubungan memberi impak yang tinggi berbanding komponen jaringan dan komunikasi.

Sulaiman, Saukani, and Nasir (2007) membuat kajian ke atas modal social dan hubungan dengan daya saing firma *Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)*. *Kajian dijalankan ke atas pengusaha bumipetra Melayu sector pembuatan di Semenanjung Malaysia*. Mereka melihat factor jaringan modal social dan factor tingkat kecekapan teknik di kalangan firma-firma tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa modal social memberi impak yang penting ke atas tahap daya saing firma-firma di Malaysia.

Omar and Yussof (2004) mengkaji secara konsepsual dan menilai kepentingan modal social bagi menambah persaingan ekonomi di kalangan orang miskin di Malaysia. Kajian ini dijalankan

kerana program pembangunan sosial dan ekonomi bagi membasmi kemiskinan sebelum ini hanya memfokuskan ke atas menambahkan modal insan, modal fizikal, modal semulajadi (natural capital), dan modal kewangan golongan miskin sahaja. Metod ini tidak berjaya mengeluarkan golongan miskin dari kemiskinan. Cadangan diberikan agar pihak kerajaan melihat semula program sosial dan ekonomi dari segi rekabentuk dan perlaksanaan dan memberi penekanan juga ke atas peningkatan modal sosial untuk menggiatkan persaingan ekonomi di kalangan golongan miskin dan menambahbaik status ekonomi mereka.

Zal, Redzuan, Samah, and Hamsan (2012) mengkaji peranan modal sosial rapatan ke atas pendayaupayaan ekonomi orang Kuala. Hubungan orang asli dengan masyarakat luar selalunya dilihat dari sudut pandangan negative iaitu mereka dieksplorasi dan ditindas. Kajian ini cuba melihat hubungan orang asli dengan masyarakat luar dari sudut pandang positif iaitu sebagai hubungan ini memberi sumbangan kepada sumber ekonomi mereka dan seterusnya mereka mencapai pendayaupayaan ekonomi. Kajian dijalankan ke atas peniaga barang terpakai di kampung Bumiputera Dalam, Rengit Johor. Kajian mendapati orang Kuala memiliki modal sosial rapatan dan telah mencapai pendayaupayaan ekonomi. Impak modal sosial di kalangan orang Kuala ini positif bagi peningkatan sumber ekonomi

4. Metodologi

Untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu meninjau tahap modal social di kawasan nelayan di Kuala Perlis, penyelidik menggunakan kaedah minimum, maksimum dan min dan frekuensi. Data yang dibagi profile terbahagi kepada sepuluh item iaitu jantina, umur, pengalaman bekerja, pendapatan, taraf pendidikan, kepunyaan bot, kepunyaan alat mengangkap hasil laut, jenis tangkapan, bilangan isi rumah dan bangsa. Manakala data modal social dibahagikan kepada lima bahagian iaitu Kumpulan dan Rangkaian, Kepercayaan dan Perpaduan, Tindakan dan Kerjasama Kolektif, Maklumat dan Komunikasi, Keunggulan Sosial dan Kemasukan dan Pemerksaan dan Tindakan Politik. Bagi elemen Kumpulan dan Rangkaian mengandungi 12 soalan, Kepercayaan dan Perpaduan mengandungi 11 soalan, Tindakan dan Kerjasama Kolektif mengandungi 6 soalan, Maklumat dan Komunikasi 1 mengandungi 0 soalan, Keunggulan Sosial dan Kemasukan Pemerksaan mengandungi 16 soalan dan Tindakan Politik mengandungi 5 soalan. Jawapan bagi setiap soalan adalah menggunakan skel likert iaitu sangat tidaksetuju (1) dan sangat setuju (5). Maklumat profail menggunakan deskriptif bentuk frekuensi dan maklumat mengenai modal social menggunakan metod deskriptif min, minima dan maksima bagi setiap soalan bagi semua element modal social. populasi nelayan 1617 dan sampel yang diambil ialah 285 (Krejcie and Morgan, 1970)

4. Hasil kajian dan Perbincangan

Jadual 1: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Peratus
Lelaki	80.2
Perempuan	1.4

Majoriti (80.2 peratus) responden adalah lelaki 80.2 peratus. Sebaliknya, terdapat minoriti (1.4 peratus) responden adalah perempuan. Ini menunjukkan kebanyakan nelayan merupakan golongan lelaki.

Jadual 2: Taburan responden mengikut umur

Umur	Peratus
21 - 30	9.7
31 - 40	14.0
41 - 50	16.3
51 - 60	24.9
61 - 70	13.2
Lain - lain	3.4

Majoritinya responden (24.9 peratus) berumur 51-60 tahun. Bilangan yang kedua terbesar ialah nelayan dalam lingkungan umur 41-50 tahun (16.3 peratus) manakala bilangan nelayan yang ketiga teramai yang menjadi nelayan ialah nelayan yang berumur 61-70 tahun iaitu 14.0 peratus. Terdapat juga nelayan yang warga emas (61 – 70 tahun) sebanyak 13.2 peratus.

Jadual 3: Taburan responden mengikut pengalaman bekerja sebagai nelayan

Pengalaman Bekerja	Peratus
1 - 5	7.2
6 - 10	8.9
11 - 15	8.9
16 - 20	12.9
21 - 25	9.7
Lain - lain	34.1

Bagi pengalaman bekerja pula, kebanyakan mereka mempunyai pengalaman sebagai nelayan selama 16-20 tahun (12.9%). Dan hanya 7.2 daripada mereka mempunyai 1-5 tahun pengalaman. Nelayan mempunyai pengalaman bekerja selama 6 hingga 15 tahun ialah sebanyak 17.8 peratus manakala sebilangan besar nelayan bekerja lebih dari 25 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan nelayan berusia melebihi 50 tahun.

Jadual 4: Taburan responden mengikut pendapatan

Jumlah Pendapatan/bulan	Peratus
0 - 1000	54.4
1001 - 2000	26.1
2001 - 3000	1.1

Lain- lain	18.4
------------	------

Jadual jumlah pendapatan menunjukkan kebanyakan nelayan mempunyai RM 0-RM 1000 pendapatan sebulan (54.4%) dan hanya segelintir daripada mereka iaitu 1.1 peratus mempunyai RM 2001 – 3000. Terdapat juga nelayan yang mempunyai jumlah pendapatan yang melebihi RM 3000.00 iaitu sebanyak 18.4 peratus. 26.1 peratus mempunyai pendapatan sebanyak RM 1001 sehingga RM2000.00.

Jadual 5: Taburan responden mengikut taraf pendidikan

Taraf Pendidikan	Peratus
UPSR	24.6
SPM	28.1
STP	0.9
Ijazah Sarjana Muda	0.3
Sarjana	0.6
Tiada Pendidikan	27.2

Majoriti responden hanya mempunyai pendidikan setakat sijil UPSR sahaja (24.6%) dan agak ramai yang langsung tidak mempunyai apa-apa pendidikan atau pendidikan yang tidak formal iaitu sebanyak 27.2 peratus. Terdapat bilangan minoriti daripada mereka mempunyai pengalaman pendidikan sehingga STP (0.3%), ijazah sarjana muda (0.3 peratus) dan sarjana (0.6 peratus).

Jadual 6: Taburan responden mengikut kepunyaan bot

Kepunyaan Bot	Peratus
Sendiri	67
Sewa	0.3
Pinjam	0.6
Lain - lain	27.2

Kebanyakan responden juga mempunyai bot sendiri (67 peratus) dan hanya 0.3 peratus daripada mereka menyewa bot. Terseradat juga yang meminjam bot (0.6 peratus). Manakala 27.2 peratus kemungkinan merupakan awak-awak (nelayan yang bekerja dengan orang lain dan dibayar mengikut hasil tangkapan. Mereka tidak memerlukan bot sendiri atau menyewa atau meminjam. Bot disediakan oleh tuan punya syarikat perikanan.

Jadual 7: Taburan responden mengikut kepunyaan alat menangkap hasil laut

Kepunyaan Alat Menangkap Hasil Laut	Peratus
Sendiri	67.3
Sewa	0.3
Pinjam	1.7
Lain - lain	12.3

Begitu juga alat menangkap hasil laut, kebanyakan mereka mempunyai alat sendiri iaitu sebanyak 67.3 peratus dan hanya 0.3 peratus daripada mereka menyewa alat untuk menangkap hasil laut. Manakala 1.7 peratus meminjam alatan menangkap hasil laut. 12.3 peratus tidak perlu menyediakan alat menangkap hasil laut kerana sudah disediakan oleh tuan punya syarikat perikanan

Jadual 8: Taburan responden mengikut jenis tangkapan

Jenis Tangkapan	Peratus
Ikan sahaja	13.5
Udang sahaja	1.1
Ketam sahaja	3.4
Campuran	62.8

Majoriti (62.8 peratus) daripada responden menangkap campuran hasil tangkapan iaitu ikan, udang dan sotong. Hanya 1.1 peratus daripada mereka menangkap hasil udang sahaja manakala 3.4 peratus nelayan yang menangkap ketam sahaja. Terdapat 13.5 peratus menangkap ikan sahaja.

Jadual 9: Taburan responden mengikut bilangan isi rumah

Bilangan Isi Rumah	Peratus
1 - 2	5.2
3 - 5	37.5
6 - 8	28.7
9 - 11	7.2
Lain - lain	2.6

Sebanyak 37.5 peratus daripada responden terdiri daripada 3-5 orang bagi satu isi rumah. Makala 28.7 peratus mempunyai bilangan isi rumah seramai 6-8 orang. Sebilangan kecil sahaja mempunyai isi rumah yang sedikit iaitu 1 – 2 orang (5.2 peratus) isi rumah yang melebihi dari 11 orang hanyalah 2.6 peratus sahaja.

Jadual 10: Taburan responden mengikut bangsa

Bangsa	Peratus
Melayu	78.5
Cina	2.3
Siam	0.9
India	0.0
Lain - lain	18.3

Kebanyakan responden terdiri dari kaum Melayu iaitu 78.5 peratus. Hanya 0.9 peratus daripada mereka terdiri dari kaum Siam. Terdapat juga nelayan kaum Cina sebanyak 2.3 peratus. Selain dari kaum Melayu, Cina dan Siam, terdapat juga kaum lain seperti Myanmar yang bermastautin di Kuala Perlis.

Jadual 11: Nilai min bagi elemen Modal Sosial

Elemen Modal Sosial		Mean
1	Kumpulan dan Rangkaian	3.6053
2	Kepercayaan dan Perpaduan	3.7917
3	Tindakan dan Kerjasama Kolektif	3.9725
4	Maklumat dan Komunikasi	3.4316
5	Keunggulan Sosial dan Inklusif	2.4377
6	Pemerksaan dan Tindakan Politik	3.6253

Jadual menunjukkan nilai min bagi ke enam-enam elemen modal sosial. Nilai min yang paling tinggi ialah Tindakan dan Kerjasama Kolektif iaitu 3.9725 manakala nilai min yang paling rendah ialah Keunggulan Sosial dan Inklusif iaitu 2.4377. Untuk tujuan kertas kerja ini, penyelidik akan memfokus kepada nilai min paling rendah iaitu Keunggulan Sosial dan Kemasukan supaya dapat diadakan penambahbaikan kepada modal sosial nelayan di kawasan kajian.

Jadual 12: Min bagi setiap item Keunggulan Sosial dan Kemasukan

Keunggulan Sosial dan Kemasukan	Nilai Min
Item 1	4.2000
Item 2	4.3298
Item 3	1.9544
Item 4	1.8561
Item 5	1.8000
Item 6	1.5368
Item 7	1.4842
Item 8	1.9439
Item 9	2.0807
Item 10	1.7579
Item 11	2.1123
Item 12	2.1754
Item 13	2.1053
Item 14	2.2702
Item 15	2.7158
Item 16	4.3965

Nilai min bagi setiap item Keunggulan Sosial dan Kemasukan adalah seperti yang ditunjukkan di atas.

Nilai min yang paling rendah 1.482 jatuh kepada item ke tujuh yang mana soalannya adalah berkait dengan penduduk atau kejiranan samada mereka tidak mempunyai akses kepada

perkhidmatan kesihatan atau klinik. Kebanyakannya menjawab bahawa mereka tidak bersetuju bahawa mereka tidak mempunyai masalah akses kepada perkhidmatan kesihatan, yang mana bermaksud hubungan kejiraninan tidak mempunyai masalah untuk menolong dan sentiasa membantu jika berlaku kecemasan untuk membawa anak atau saudara mereka ke klinik atau perkhidmatan kesihatan yang terdekat.

Manakala item kedua terkebawah adalah 1.5368 di mana nilai min ini berkaitan dengan soalan samada responden dihalang dan tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan pendidikan atau sekolah. Kebanyakkan responden menjawab bahawa mereka tidak bersetuju dengan kenyataan ini yang mana bermaksud mereka mempunyai akses kepada perkhidmatan pendidikan atau sekolah samada sekolah rendah atau sekolah menengah. Hubungan dikalangan nelayan membantu dan menolong anak atau saudara mereka untuk mendapat perkhidmatan pendidikan yang terdekat.

Item ketiga terkebawah adalah item10 iaitu nilai min 1.7579 item di mana item ini berkaitan dengan penduduk kejiraninan di kawasan nelayan yang dihalang atau tidak mempunyai akses kepada pengangkutan. Kebanyakkan nelayan memberitahu mereka tidak bersetuju jika dikatakan mereka tidak mempunyai akses kerana kebanyakkan mereka memiliki motor sebagai alat pengangkutan untuk keluarga mendapatkan perkhidmatan klinik, pendidikan, dan membeli belah di pasar raya. Oleh kerana kebanyakkan responden mempunyai pendapatan antara RM 0 sehingga RM1000.00, mereka hanya berkemampuan motor sebagai alat pengangkutan. Bas awam juga disediakan untuk pengangkutan ke Bandar.

Item ke empat terkebawah adalah 1.80 iaitu item ke lima dimana soalannya adalah berkaitan dengan isu perbezaan etnik, bangsa dan kaum di kalangan nelayan. Jawapan bagi soalan ini kebanyakannya menyebut bahawa tidak ada masalah dengan keadaan perbezaan etnik dan bangsa di kalangan nelayan kerana kebanyakkan nelayan bergaul, bekerja dan berseimbahyang dikalangan etnik yang sama dengan mereka. Pola interaksi adalah dikalangan etnik yang sama dan kebanyakkan responden adalah dari keturunan Melayu. Peratusan yang kecil dari etnik yang berbeza.

Item kelima terkebawah adalah item ke empat di mana soalannya adalah berkaitan dengan isu perbezaan agama dikalangan nelayan. Nilai min bagi item ke empat ialah 1.8561. Kebanyakkan nelayan tidak ada masalah dengan nelayan yang datang dari latar agama yang berbeza kerana kegiatan penangkapan ikan adalah dengan nelayan dari agama dan budaya yang sama. Oleh itu mereka mempunyai nilai dan pandangan yang sama. Hanya kecil peratusan dari bangsa Cina dan Siam.

Item keenam terkebawah ialah 1.9544 iaitu nilai min bagi item kelapan di mana soalan yang ditanya adalah berkaitan masalah kepada sumber air. Kebanyakkan responden tidak bersetuju adanya masalah tersebut. Ini menunjukkan sumber air tidak merupakan masalah dikalangan

nelayan disebabkan hubungan yang baik dikalangan nelayan. Ini bermaksud modal sosial yang wujud dikalangan nelayan dikawasan kajian dapat membantu jika terjadi bekalan air terputus.

5. Kesimpulan

Berdasarkan kepada ke enam-enam elemen modal sosial, elemen Tindakan dan Kerjasama Kolektif merupakan skor yang paling tinggi berbanding daripada elemen-elemen lain. Ini menunjukkan bahawa kerjasama dikalangan nelayan di Kuala Perlis sangat tinggi. Walau bagaimanapun, elemen Keteraturan Sosial dan Inklusif dikalangan mereka masih rendah. Sekiranya tahap Keteraturan Sosial dan Inklusif ini semakin rendah maka akan menyebabkan peningkatan masalah sosial yang lain seperti penagihan dadah, mencuri dan merompak, keceluaran gender dan lain lain tingkah laku devian.

Keteraturan Sosial dan Inklusif merupakan elemen yang mempunyai paling rendah dalam skel Modal Sosial di mana elemen ini perlu diberi perhatian oleh pihak yang berwajib. Perkara ditimbulkan oleh responden adalah berkaitan dengan akses kepada pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan sumber air. Walaupun perkara ini disebut responden sebagai tidak bermasalah tetapi harus diberi perhatian kerana majority nelayan di Kuala Perlis mempunyai tahap pendidikan dan pendapatan yang rendah. Keadaan ini berkait rapat dengan isu kemiskinan yang akan memberi kesan kepada pemilikan pengangkutan, tahap pendidikan dan kesihatan yang baik. Begitu juga perkaitan kemiskinan dengan tahap pemikiran untuk kemajuan dan kesediaan untuk berusaha juga akan menjadi rendah.

Bibliografi

- Adam, F., & Rončević, B. (2003). Social Capital: Recent Debates and Research Trends. *Social science information*, 42(2), 155-183.
- Adler, P. S., & Kwon, S.-W. (2002). Social capital: Prospects for a new concept. *Review of social economy*, 60, 1-24.
- Baron, S., Field, J., & Schuller, T. (2000). Social capital and human capital revisited. In T. Schuller (Ed.), *Social Capital: Critical Perspectives* (pp. 243-264). Oxford: Oxford University Press.
- Bourdieu, P. (1986). The forms of capital *Handbook of theory and research for the sociology of education*. JG Richardson (pp. 241-258). New York: Greenwood Press.
- Coleman, J. S. (1988). Social capital in the creation of human capital. *American journal of sociology*, 94, 95-120.
- Day, R. E. (2002). Social capital, value, and measure: Antonio Negri's challenge to capitalism. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 53(12), 1074-1082.

- de Tocqueville, A. (1983). *The Old Regime and the French Revolution*. Translator: Stuart Gilbert: New York: Doubleday.
- Dekker, P., & Uslaner, E. M. (2003). Introduction. In E. M. Uslaner (Ed.), *Social capital and participation in everyday life* (pp. 1-8). London: Routledge.
- Dolfsma, W., & Dannreuther, C. (2003). Subjects and boundaries: Contesting social capital-based policies. *Journal of Economic Issues*, 37(2), 405-413.
- Eastis, C. M. (1998). Organizational diversity and the production of social capital: One of these groups is not like the other. *American Behavioral Scientist*, 42(1), 66-77.
- Firth, R. (1943). The Coastal People of Kelantan and Terengganu, Malaya. *Geographical Journal*, 101(5), 193-205.
- Foley, M. W., & Edwards, B. (1997). Escape from Politics? Social theory and the Social Capital Debate. *American Behavioral Scientist*, 40(5), 550.
- Fukuyama, F. (1995). *Trust: The social virtues and the creation of prosperity*. New York: The Free Press.
- Grootaert, C., & Van Bastelaer, T. (2002). Conclusion: measuring impact and drawing policy implications. *The role of social capital in development*, 341-350.
- Hamilton, A., John Jay, J., & Madison, J. (1961). *The Federalist Papers*. Middletown: Wesleyan University Press.
- Oh, H., Kilduff, M., & Brass, D. J. (1999). *Communal social capital, linking social capital, and economic outcomes*. Paper presented at the Annual meeting of the Academy of Management, Chicago.
- Omar, M., & Yussof, I. (2004). Modal Sosial dan Daya Saing Ekonomi Penduduk Miskin di Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 10, 95-126.
- Putnam, R. D. (1995). Bowling Alone: America's Declining Social Capital. *Journal of Democracy*, 6(1), 65-78.
- Robison, L. J., Schmid, A. A., & Siles, M. E. (2002). Is social capital really capital? *The Academy of Management Review*, 27, 17-40.
- Shaari, I. (1994). *Rural Development and Rural Poverty in Malaysia*: Pelanduk Publications.
- Shaari, I., & Jomo, K. S. (1980). *Capital accumulation and technological change in Malaysia rice farming*. Paper presented at the The Peasantry and Development in the Asean Region, UKM, Bangi.
- Siwar, C., & Piei, M. H. (1988). *Isu, konsep dan dimensi kemiskinan: kumpulan rencana tentang kemiskinan*: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Social Capital Interest Group. (2000). Short papers from the April, 1998 Social Capital Conference at Michigan State University. *The Journal of socio-economics*, 29(6), 579-586.
- Sulaiman, N., Alias, S., Saukani, M., Nasir, M., & Ismail, R. (2014). *Analisis Modal Sosial Terhadap Tingkat Pendapatan Individu di Malaysia*. Paper presented at the Persidangan

Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) "Urus Tadbir Ekonomi yang Adil: Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi", Kuala Terengganu.

Sulaiman, N., Fauzi, S. F., & Nasir, M. (2015). *Impak Modal Sosial Terhadap Kumpulan Pendapatan Isi Rumah Di Malaysia* Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-10 (PERKEM 10) "Kekayaan Terangkum Teras Pembangunan Lestari", Melaka.

Sulaiman, N., Saukani, M., & Nasir, M. (2007). Modal Sosial dalam mempertingkatkan daya saing firma perusahaan kecil dan sederhana (PKS). *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 14(2), 93-111.

Ungku Aziz, A. (1967). Cooperation and National Development. *Kajian Ekonomi Malaysia*, 4(1), 20-29.

Uslaner, E. M. (2001). Volunteering and social capital: how trust and religion shape civic participation in the United States. In E. M. Uslaner (Ed.), *Social capital and participation in everyday life* (Vol. 23, pp. 104-117). London: Routledge.

Woolcock, M. (1998). Social capital and economic development: Toward a theoretical synthesis and policy framework. *Theory and society*, 27(2), 151-208.

Zal, W. A., Redzuan, M. R., Samah, A. A., & Hamsan, H. H. (2012). Peranan Modal Sosial Rapatan ke atas Pendayaupayaan Ekonomi Orang Kuala. *Sains Humanika*, 58(1), 63-69.